



Dr Mahathir menerima cenderahati daripada Presiden LAWASIA, Christopher Leong pada Persidangan Perlembagaan dan Peraturan Perundangan LAWASIA, di Petaling Jaya, semalam. (Foto BERNAMA)

# Kerajaan tadbir ikut undang-undang: PM

BH - 8/10/2019 m/s: 2

Sedia mansuh peraturan lapuk, zalim demi keadilan rakyat

Oleh Wartawan BH  
bhnews@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan akan mentadbir negara mengikut peraturan undang-undang demi keadilan kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memansuhkan undang-undang lapuk dan zalim yang diguna kerajaan terdahulu dan memperkenalkan undang-undang baharu yang lebih adil.

Beliau berkata, undang-undang yang zalim diperkenal kerajaan terdahulu menjadikan rakyat berasa tidak selamat kerana mereka boleh ditangkap dan ditahan tanpa perlu dibawa ke mahkamah.

“Walaupun mereka (kerajaan terdahulu) menghapuskan undang-undang berkenaan, mereka menggantikan dengan undang-undang lapuk yang lain.

“Namun, kerajaan baharu akan memansuhkan undang-undang itu dan memperkenalkan undang-undang baharu. Mala-

aysia perlu mempunyai undang-undang yang baik dan bukan undang-undang yang zalim,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya ketika merasmikan Persidangan Perlembagaan dan Peraturan Perundangan LAWASIA di sini, semalam.

Yang turut hadir, Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas dan Presiden Majlis Peguam, Datuk Abdul Fareed Abdul Gafoor.

Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu mendapatkan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat bagi meminda peruntukan dalam Per-

lembagaan Persekutuan, iaitu sebagai sebahagian prosedur yang mesti dilakukan.

“Terdapat prosedur yang perlu dijalankan. Kita perlu mendapatkan majoriti dua pertiga (sokongan Ahli Parlimen di Dewan Rakyat) untuk mengubah sebarang undang-undang yang memberi kesan kepada Perlembagaan.

“Memandangkan tidak terdapat (majoriti) dua pertiga (dalam kalangan Ahli Parlimen kerajaan), maka kita terikat kepada undang-undang lama, tiada majoriti untuk menukar undang-undang itu,” katanya.

Beliau memberi contoh apabila kerajaan berusaha memansuhkan undang-undang antiberita palsu untuk faedah rakyat sebelum ini, beberapa Ahli Parlimen tidak sepakat atau mempunyai pendirian sama.

“Kita perlu memansuhkan undang-undang yang lama dan zalim itu. Contohnya, antiberita palsu, tetapi kita mendapati sesetengah Ahli Dewan tidak mahu memansuhkan undang-undang berkenaan,” katanya.

Selepas empat bulan diwartakan sebagai undang-undang di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional (BN), Akta Anti-berita Tidak Benar 2018 dimansuhkan di Dewan Rakyat, pada Ogos lalu.

Namun, sebulan selepas itu, RUU bagi memansuhkan akta itu ditolak Dewan Negara.

**Kita perlu memansuhkan undang-undang yang lama dan zalim itu. Contohnya, antiberita palsu, tetapi kita mendapati sesetengah Ahli Dewan tidak mahu memansuhkan undang-undang berkenaan.**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri